

08/08/1997

Takaful sediakan Pelan Maasyi untuk simpanan wang gratuuti

Mohd Fadzil Yusof

KEMPEN menggalakkan tabungan yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 16 Disember tahun lalu, wajar membabitkan semua lapisan masyarakat kerana manfaatnya untuk masyarakat. Sejajar hakikat peningkatan tabungan membantu menyubur ekonomi negara, Dr Mahathir menyeru setiap orang mengamalkan tabiat menabung memandangkan kesejahteraan setiap rakyat mempunyai kaitan yang rapat dengan ekonomi negara. Amalan menabung berkait rapat dengan cara hidup berjimat cermat serta kebijaksanaan dalam urusan perbelanjaan semoga tidak semua wang pendapatan atau gaji habis tanpa dapat diketepikan untuk simpanan kerana tabungan akan dapat menyelamatkan diri penabung itu sendiri apabila sesuatu kecemasan atau musibah menimpanya. Sekalipun tabungan itu penting, memilih produk tabungan adalah lebih penting kerana tanpa berhati-hati wang tabungan boleh hilang sekelip mata.

Dalam konteks ini, Dr Mahathir mengingatkan ramai yang kehilangan wang ganjaran pencen disebabkan melabur secara tidak bijak. Memandangkan tabungan memerlukan wang, antara kumpulan sasar yang dapat menyumbang kepada kejayaan kempen ini dan sekali gus membantu meningkatkan tabungan negara adalah golongan pekerja. Sewaktu berucap dalam majlis pelancaran Kempen Galakan Tabungan Pekerja pada 3 Mei 1997, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengajak pekerja mengamalkan sikap menabung demi masa depan mereka dan anak mereka. Sehubungan itu majikan dan pemimpin kesatuan sekerja diminta supaya menanamkan sikap menabung dikalangan pekerja dan anggota kesatuan masing-masing.

Mengikut logik kemampuan menabung hanya boleh dilakukan oleh orang yang berada dan golongan yang berpendapatan besar sahaja. Hakikat sebenar adalah sebaliknya. Pekerja yang bergaji kecil sekalipun jika mempunyai disiplin mengatur urusan perbelanjaan harian serta membudayakan cara hidup berjimat cermat pasti mempunyai wang lebihan yang boleh ditabung. Menurut Anwar, anggapan bahawa orang kaya sahaja mampu menyimpan wang kini meleset kerana golongan berpendapatan sederhana dan rendah juga mampu menabung. Asalkan ada rasa tanggung jawab dan wawasan masa depan diri sendiri dan anak-anak, tabungan akan menjadi satu tabiat yang mesti dilakukan seperti menggosok gigi sebaik bangun pagi. Meskipun pekerja sudah mempunyai tabungan mandatori melalui simpanan wajib disisi undang-undang seperti caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan tabung-tabung lain, ini tidak bererti langkah tabungan secara sukarela tidak perlu diberi perhatian.

Tabungan mandatori seumpama ini seharusnya dilihat dalam konteks menunaikan kewajipan fardhu kifayah oleh pihak berkuasa atau Kerajaan sebagai tanggung jawab menjaga kebajikan rakyat atau orang di bawahnya. Diwaktu yang sama Islam tidak menegah mana-mana individu merancang dan melaksana tabungan peribadi, melalui berbagai kaedah asalkan tidak bercanggah syarak, mengikut kemampuan masing-masing sebagai menunaikan tuntutan menjaga kepentingan dan kebajikan diri dan keluarga.

Yang demikian melalui Kempen Galakan Tabungan Pekerja berbagai produk tabungan yang disediakan institusi kewangan menjadi pilihan. Berikutan secara kasar tujuan seorang pekerja menabung adalah untuk menyediakan bekalan wang selepas tempoh bekerja atau masa tua, pilihan produk tabungan yang memberi perolehan untuk maksud ini harus diutamakan. Lebih-lebih lagi jenis produk yang bukan sekadar dapat mengumpul wang tabungan secara beransur-ansur dalam satu tempoh yang panjang, tetapi diwaktu yang sama

menyediakan pula perolehan sekali gus mengikut jumlah yang lebih tinggi daripada amaun yang ditabung jika sesuatu musibah menimpa penabung.

Lazimnya produk tabungan yang mempunyai serampang dua mata ini: tabungan dan perlindungan hanya disediakan oleh takaful atau insurans. Sememangnya produk takaful jangka panjang yang dikaitkan dengan hayat manusia pada dasarnya mempunyai manfaat berganding iaitu tabungan dan perlindungan. Malahan kelebihan takaful lebih jelas kerana asas hak berkongsi untung mengikut prinsip al-Mudharabah yang sekaligus menunjukkan wang peserta tidak `lebur' begitu sahaja.

Selaras hakikat tidak wajar wang yang ditabung dikeluarkan secara sewenangnyanya dalam tempoh tabungan, pekerja perlu memberi perhatian kepada produk tabungan jangka panjang seperti ini. Perhatian perlu juga diberikan kepada aspek keselamatan semoga wang dalam tabungan tidak hilang kerana terlalu mengutamakan pulangan besar. Produk tabungan skim cepat kaya yang berleluasa satu ketika dulu hendaklah dielakkan. Namun yang penting mesti ada wang lebih secara tetap, supaya kemampuan mencarum secara berterusan dapat dikekalkan. Bagi memudahkan tabungan seumpama ini, kerjasama majikan sama ada pihak Kerajaan, sektor awam atau sektor swasta amat mustahak. Oleh itu sempena kempen ini, kemudahan seperti mengaturkan potongan gaji secara bulanan dapat meningkatkan tabungan di kalangan pekerja. Dengan cara ini wang tabungan pekerja disalurkan langsung ke institusi tabungan dan proses tabungan akan mudah berkekalan.

Dalam suasana ekonomi yang baik dengan kadar gaji/upah meningkat, pekerja dalam sektor awam dan swasta dibayar bonus. Malahan untuk peringkat tertentu pekerja, bonus dimasukkan dalam skim perkhidmatan dan menjadikannya hak yang mesti dibayar kepada pekerja. Biasanya wang bonus yang dibayar sekaligus setahun sekali cepat habis setelah berada dalam tangan. Kerajaan dan sektor swasta perlu menimbang alternatif lain membayar bonus. Selain wang tunai bonus boleh berupa ansuran caruman takaful Pelan Takaful Keluarga, premium insurans nyawa, amanah saham dan lain-lain produk tabungan jangka panjang. Pokoknya alternatif ini tidak merugikan pekerja malah memberi manfaat lebih baik untuk masa depan mereka.

Begitu juga tidak kira kakitangan sektor Kerajaan atau swasta yang bersara akan diberi gratuiti. Untuk menjamin masa depan pekerja semasa bersara disarankan sebahagian daripada gratuiti ini dibayar sebagai wang caruman khusus bagi polisi anuiti insurans atau Pelan Maasyi yang disediakan takaful. Produk ma'asyi akan menyediakan ganjaran pencen sehingga 100 tahun selagi penabung masih hidup. Kaedah ini dapat menyelamatkan wang gratuiti daripada habis dibelanja sekelip mata.

(END)